



Empat lesap RM344,000 diperdaya Macau Scam

Pegawai bank rugi RM104,000 antara individu ditipu sindiket

Oleh Ahmad Hasbi, Mohd Rafi Mamat dan Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Empat kes penipuan Macau Scam membabitkan seorang pegawai bank, mekanik, tukang masak dan kerani dilaporkan semalam membabitkan kerugian keseluruhan RM344,000.

Individu berkenaan menanggung kerugian kehilangan sejumlah besar wang selepas dihubungi pegawai bank dan polis yang mendakwa mereka terbabit

kegiatan salah sehingga menyerahkan butiran peribadi akaun bank.

Di **Seremban**, seorang pegawai bank kerugian RM104,000 selepas diperdaya untuk menyerahkan maklumat akaun bank beliau kononnya kepada 'Bank Negara'.

Wanita berusia 47 tahun itu dikatakan dihubungi seorang individu kononnya pegawai bank yang mendakwa terdapat transaksi daripada kad kredit sebanyak RM4,663 untuk urusan mata wang Bitcoin tanpa kebenarannya.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Abd Ghani, berkata mangsa menerima panggilan itu ketika berada di rumahnya di Jalan Rasah, kelmarin.

"Panggilan kemudian disambungkan kononnya kepada pegawai 'Bank Negara' bernama Sarah yang didakwa mengesahkan

transaksi itu dan menunjukkan laporan terbabit," katanya dalam kenyataan, semalam.

Seterusnya, Aibee berkata, mangsa dikatakan bercakap dengan seorang lelaki yang meminta beliau mengemas kini pita magnetik pada kad banknya.

"Mangsa mendakwa diminta menyenaraikan kad bank miliknya dan menukar nombor pin di mesin ATM. Mangsa dikatakan memberi maklumat yang diminta tanpa menyedari ia adalah kegiatan jenayah Macau Scam," katanya.

Di **Kuantan**, seorang mekanik kerugian lebih RM170,000 selepas diperdaya lelaki menyamar pegawai polis yang mendakwa mangsa terbabit kegiatan perubahan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JKSK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata mangsa dikatakan menerima panggilan daripada suspek pada 13 Disember lalu.

"Akibat ter-lalu bimbang tuduhan itu, mangsa mengikut arahan individu menyamar pegawai polis berkenaan termasuk memindahkan wang RM520,000 ke akaun bank lain dan menghantar gambar de-

pan belakang kad bank ATM. Selain itu mangsa juga mendedahkan dua maklumat akaun bank miliknya," katanya.

Seorang wanita pembantu tukang masak pula kerugian RM20,000 selepas ditipu seorang lelaki menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang mendakwa mangsa mempunyai tunggakan bayaran cukai berjumlah RM55,000.

Beliau berkata, mangsa menafikan perkara itu sebelum suspek menjerat wanita berkenaan dengan mendakwa namanya digunakan dalam pengubahan wang haram. Mangsa kemudian diminta mendedahkan maklumat akaun bank seperti nombor akaun dan nombor kad ATM.

Di **Bagan Datuk** pula, seorang kerani wanita kerugian RM50,000 selepas diperdaya macau scam yang menyamar sebagai pegawai dari sebuah bank di Klang, Selangor pada Isnin lalu.

Jam 3.45 petang hari kejadian, mangsa berusia 36 tahun yang berada di rumahnya di Taman Sri Intan 2, Hutan Melintang menerima panggilan telefon daripada seorang yang mendakwa pegawai bank.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri, berkata suspek mendakwa wanita terbabit mempunyai kad kredit platinum yang dimohon di bank berkenaan dan membuat tiga transaksi dengan jumlah keseluruhan penggunaan RM15,596 sejak 15 November lalu, tetapi dinafikan wanita berkenaan.

Panggilan kemudian disambungkan kononnya kepada pegawai 'Bank Negara' bernama Sarah yang didakwa mengesahkan transaksi itu dan menunjukkan laporan terbabit

Aibee Abd Ghani, Ketua JSJK Negeri Sembilan



"Suspek memaklumkan dia akan membantu wanita terbabit membuat laporan polis kepada Bank Negara kononnya ada individu menggunakan butiran mangsa untuk membuka akaun di bank berkenaan.

"Suspek berjanji membantu menyelesaikan masalah itu, menyebabkan mangsa memberikan semua maklumat perbankannya kepada suspek," katanya kepada BH, semalam.

Mangsa kemudian menerima SMS daripada sebuah bank lain pada jam 5.24 petang hari sama, memaklumkan wanita itu membuat 15 transaksi secara dalam talian daripada akaun miliknya ke akaun bank atas nama seorang lelaki.

"Mangsa tidak tahu pengeluaran wang dalam akaunnya sehingga pihak bank menghubunginya. Jumlah kerugian dialaminya RM50,000 dan mangsa membuat laporan polis untuk tindakan lanjut," katanya.